

27/09/1998

Kecekalan Nurul Hudda tiada tandingan

KUALA LUMPUR: Semangat dan kegigihan Nurul Hudda Baharin (gambar) dalam memastikan kilauan emas negara dalam Sukan Komanwel XVI membuktikan jaguh menembak negara itu memiliki kecekalan selaku ahli sukan sejati.

Biarpun dalam keadaan tangan kanannya masih sakit, Nurul Hudda, 25, tetap menggagahkan diri bersaing dan kesungguhannya terbayar dengan pingat emas acara air rifle individu di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi (Lisram), 18 September lalu.

Ia jelas pulangan terbaik buatnya selepas sebelumnya hampir tidak berupaya beraksi selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya, 10 Ogos lalu, yang menyebabkan tangan kanannya patah.

"Tangan saya masih sakit ketika membuat tembakan tapi saya tetap berusaha sebaik mungkin untuk memastikan pingat emas untuk negara," katanya selepas dikalungkan pingat emas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 18 September lalu.

Kemalangan itu adalah yang kedua buat Nurul Hudda tahun ini, selepas sebelumnya turut terbabit dalam kemalangan Mac lalu yang menyebabkan kakinya cedera dan terpaksa menggunakan tongkat.

Kemampuan Nurul Hudda bukan setakat memastikan kilauan emas, malah turut mengukir sejarah sebagai pemilik rekod baru Sukan Komanwel acara berkenaan, dengan jumlah 494.8 mata, mengatasi catatan lama 488.7 mata milik penembak Cyprus, Fani Theofanus.

Kejayaannya turut membolehkan Nurul menerima wang ganjaran RM80,000 daripada Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara (MSN), selain kereta Proton Perdana.

(END)